

Sastera, dunia buku Malaysia tidak sunyi polemik, kritikan

134
25/12/16
mls - 12



Nazmi Yaakub
Pengarang Sastera BH
nazmi@bh.com.my

Kontroversi novel Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu (KOMSAS), *Pantai Kasih* dan isu pelaksanaan Program Dwi-bahasa (DLP) di sekolah membuka tirai 2016 yang sebenarnya sudah pun tercetus sejak tahun sebelumnya, seolah-olah memberikan isyarat dunia sastera dan buku tanah air tidak akan sunyi daripada polemik serta kritikan di tengah-tengah kegetiran ekonomi, khususnya berkaitan buku.

Apatah lagi penerbit buku juga semakin berhati-hati dalam pemilihan judul untuk diterbitkan sehingga ada yang mengurangkan jumlah penerbitan berbanding tahun sebelumnya akibat situasi ekonomi yang mencabar, manakala trend penurunan jumlah penerbitan sejak 2013 dijangka berterusan pada tahun ini.

Pantai Kasih didakwa tidak se-



Jaafar meraih Hadiah Utama Samsung KidTime Author's Award bagi buku *Sang Kancil and The Snail* di Perpustakaan Negara Singapura.

Fakta nombor

2,720 JUDUL
sastera diterbitkan
pada 2015

15,354 BUKU
keseluruhan
penerbitan 2015

suai dijadikan teks di sekolah kerana mempunyai nilai negatif dan berkonsepkan novel popular sehingga menyebabkan Kementerian Pendidikan memanggil panel pemilihan untuk memperoleh justifikasi menyeluruh mengenai pemilihan novel berkenaan.

Di sebalik keputusan mengekalkannya, Kementerian Pendidikan diharap dapat mempertingkatkan saranan penambahbaikan mekanisme pemilihan teks KOMSAS pada masa depan, termasuk pelantikan penilai berkredibiliti dan berintegriti, mewujudkan skema penilaian serta laporan, pembabitn pihak berautoriti seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan universiti.

Isu DLP

Pelaksanaan DLP yang bermula awal tahun ini pula, perlu dilihat dengan menyeluruh seperti mengambil kira kesan terhadap bahasa Melayu, pembelajaran pelajar dan penguasaan bahasa Inggeris.

Isu yang dekat dengan khalayak sastera dan ahli akademik, khususnya kesusasteraan serta pendidikan itu, tidak boleh mengulangi kelemahan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) sehingga menjejaskan martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu serta pelajar di sekolah.

Kritikan terhadap DLP tidak berhenti diutarakan, khususnya dalam forum dan wacana sastera serta pertemuan dan mesyuarat

agung persatuan penulis apatah lagi sekiranya pelaksanaannya di sekolah semakin meluas.

Di sebalik kegagalan penerbit buku indie mengulangi kejayaan meraih laba pada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) sebelumnya, penerbit buku besar yang menyasarkan kelompok pembeli berkeluarga, wakil institusi seperti perpustakaan dan universiti serta rombongan pelajar tidak mengalami kesan sama, malah ada yang mencatatkan jualan yang mengembirakan.

Bagaimanapun, penganjur, penerbit dan penjual buku tidak boleh mengambil kira aspek material semata-mata, sebaliknya perlu menyediakan iklim sesuai untuk perbincangan pembaca, pengarang dan pemain industri, selain menambah suntikan keintelektualan yang lazimnya mengisi pesta buku antarabangsa seperti di Frankfurt dan Kaherah.

Kepemimpinan baharu

Sementara itu, DBP menerima Ketua Pengarah yang baharu, iaitu Datuk Abdul Adzis Abas menggantikan penyandang sebelumnya, Datuk Dr Awang Sariyan, manakala Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) pula menyaksikan kekosongan kerusi Pengerusi Lembaga Pengarahnya diisi oleh Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi menggantikan Datuk Dr Shahrudin Md Salleh.

Abdul Adzis tentu berdepan ca-

baran lebih getir sebagai nakhoda kepada institusi bahasa Melayu dan sastera kebangsaan apatah lagi dengan pelbagai usaha yang dianggap menjejaskan martabat bahasa serta menenggelamkan karya kesusasteraan.

Selain isu bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, pengantar pendidikan dan alat perpaduan, DBP perlu menilai kembali langkah Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) ke belakang apabila dianjurkan dua tahun sekali, manakala Dewan Sastera pula dika-takan akan diterbitkan enam keluaran setahun pada tahun depan berbanding sebulan sekali sebelum ini.

Tambah baik terjemah karya tanah air

Bagi Budiman pula, meskipun secara relatifnya berdepan dengan tugas yang lebih mudah sebagai Pengerusi ITBM, pasti masih ada ruang penambahbaikan yang dapat diisi, terutama penterjemahan karya sastera tanah air yang lebih berkualiti sehingga bukan sahaja menarik perhatian pembaca antarabangsa, bahkan mencuri perhatian penilaian hadiah antarabangsa.

Titik mulanya sudah ada apabila buku terbitan ITBM, *Sang Kancil and The Snail* olahan semula Allahyarham Rahimidin Zahari dan ilustrasi oleh Jaafar Taib meraih Hadiah Utama Samsung KidsTime Author's Award (SKTAA) di Perpustakaan Negara Singapura.

Secara kolektif pula, ITBM, DBP dan Perbadanan Kota Buku (PKB) tentu banyak belajar di sebalik keghairahan memecah tembok pasaran buku luar; banyak hal perlu diambil kira, termasuk undang-undang negara berkenaan seperti yang berlaku dalam isu rampasan buku *Manifesto Komunis* terbitan Thukul Cetak di Pesta Buku Antarabangsa Indonesia (IIBF) 2016.

Dalam insiden itu, empat delegasi Malaysia disoal siasat berhubung penjualan buku yang memaparkan gambar tukul dan sabit yang menyinggung sensitiviti masyarakat Indonesia yang pernah mengalami tragedi berdarah, khususnya peristiwa Gerakan 30 September (G30S) yang berlaku pada 30 September 1965.

Isu itu turut menimbulkan persoalan mengenai kewujudan buku berunsurkan aliran komunis dan idea anarki di negara ini seperti yang turut disorot oleh Sastera & Budaya BH apabila sarjana, sejarawan, pengarang dan aktivis sastera mendesak pemantauan yang lebih ketat oleh kerajaan.

Di sebalik kontroversi sepanjang tahun ini, sastera tanah air akan mengenang pemergian pengarang dan aktivisnya seperti Sutung Umar Rs yang juga bekas Ketua Unit Pengembangan Sastera BH, selain Prof Madya Dr Talib Samat, Dr Naffi Mat, Zaini Oje, Abdul Ahmad, Zailiani Taslim, Salmie Said, Ibrahim Mohd Taib dan Azman Ahmad al-Kurauwi.